

Headline	77 pencawang elektrik kalis banjir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	L-43
ArticleSize	473 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mohd Rafi Mamat
PR Value	RM 52,206		

## Tiada lagi gangguan bekalan dilaporkan

**Pendang:** Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid semalam mengesahkan bahawa semua masalah gangguan bekalan elektrik Pahang, sudah selesai sepenuhnya.

Beliau berkata, pihaknya mendapati tiada kejadian gangguan bekalan elektrik yang serius masih berlaku di kawasan pantai timur terutama di Pahang selepas dilanda bencana banjir seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

“Keadaan di sana (Pahang) kini sudah semakin pulih dan kebanyakan mangsa mula pulang ke rumah masing-masing dan tiada isu berkaitan adanya gangguan elektrik seperti yang dilaporkan,” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui selepas majlis penutup Program Pintar 2013 anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Pejabat Pelajaran Daerah Pendang, semalam.

Program membabitkan seramai 189 murid tahun lima dari lima sekolah turut disertai seramai 40 fasilitator dan 16 urusetia membabitkan siswa dan siswi UNITEN.

Menurutnya, isu berkaitan masalah gangguan bekalan elektrik seharusnya tidak ditimbulkan kerana TNB membelanjakan kira-kira RM3 juta bagi menyewa penjana elektrik untuk memastikan semua mangsa banjir tidak berada dalam kegelapan pada waktu malam.

“Bagaimanapun, saya tidak menafikan berlaku gangguan bekalan elektrik selama 10 jam pada 4 Disember lalu, tetapi disebabkan kerja penyelenggaraan oleh pihak TNB berikutan kebanyakan pencawang di kawasan terbabit ditenggelami air.

“Dalam keadaan bencana ini semestinya mangsa banjir sentiasa berada dalam keadaan tidak selesai dan serba kekurangan, namun kami sedaya upaya cuba membantu mereka.

“Isu berkaitan masalah gangguan bekalan elektrik itu hanyalah sekadar khabar angin yang cuba disebar oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab bertujuan memburukkan kerajaan,” katanya.

“ Saya tidak menafikan berlaku gangguan bekalan elektrik selama 10 jam pada 4 Disember lalu, tetapi disebabkan kerja penyelenggaraan oleh TNB berikutan kebanyakan pencawang di kawasan terbabit ditenggelami air”  
Mahdzir Khalid

Headline	77 pencawang elektrik kalis banjir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	L-43
ArticleSize	473 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mohd Rafi Mamat
PR Value	RM 52,206		



**"TNB sedia 40  
unit jana kuasa  
bergerak  
di beberapa  
kawasan"**  
Sharuddin Mohd Simin

**MAHDZIR (kanan) dan Sharuddin (tengah) mengharung banjir ketika melawat Masjid Kampung Temai.**